

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap peranan pendidikan jarak jauh dalam meningkatkan tahap profesionalisme mereka di dua buah sekolah di Kuala Lumpur. Aspek-aspek kajian adalah untuk mengetahui wujud atau tidak suatu keperluan peningkatan dalam profesi perguruan dan bidang pendidikan yang perlu ditingkatkan. Selain itu, masalah yang dihadapi oleh guru dalam meningkatkan kerjaya mereka, pengetahuan guru tentang pendidikan jarak jauh dan persepsi mereka terhadap peranan pendidikan jarak jauh dalam meningkatkan tahap profesionalisme perguruan juga dikaji. Sampel bagi penyelidikan adalah terdiri daripada 30 orang dari setiap satu sekolah menengah dan rendah. Satu set soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Kiraan kekerapan dan peratus digunakan untuk menganalisis data berkenaan. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti guru setuju bahawa mereka perlu peningkatan profesionalisme. Boleh dikatakan hampir ke semua guru berminat untuk berkursus. Halangan ataupun masalah yang dihadapi guru adalah kewangan dan komitmen kerja yang berat di sekolah. Dalam hal pengetahuan guru mengenai pendidikan jarak jauh pula, dapatkan kajian menunjukkan majoriti guru kurang pengetahuan tentang pendidikan jarak jauh dan ciri-cirinya. Persepsi guru dalam menggunakan pendidikan jarak jauh untuk meningkatkan profesion kurang menggalakkan. Implikasi d^{apatkan} kajian daripada penyelidikan ini telah mencadangkan beberapa syor bagi menggalakkan guru meningkatkan profesionalisme serta cadangan kajian selanjutnya telah dimuatkan dalam laporan ini.

ABSTRACT

TEACHERS PERCEPTION ABOUT THE ROLE OF DISTANCE EDUCATION IN PROFESSIONAL DEVELOPMENT IN TWO SCHOOLS IN KUALA LUMPUR

The purpose of this study was to observe the perception of teachers about developing their career via distance education in two schools in Kuala Lumpur. The main aspects of this study include determining whether the teaching profession needs development and aspect, which needs development. The researcher also analyses problems faced by teachers to develop their career, teacher's knowledge about distance education and their perceptions about professional development via distance education. The subject of the study comprised of 30 secondary school teachers and 30 primary school teachers. A set of questionnaires was used as the research instrument. Frequency counts and percentages were used in the statistical analysis of data. Findings of the study indicate that majority of teachers agreed that they need career development. Teachers are very much interested to attend courses but face problems like money and heavy responsibilities in school. Findings also show that teacher's knowledge about distance education is very disappointing. Teachers also showed a negative attitude towards professional development via distance education. The implication of this study, suggestions and recommendations for future studies were also included in this report.